

**Alat-alat Kebesaran Dalam Upacara Adat Istiadat
Pertabalan Kesultanan Negeri Kedah Darul Aman
Kajian Dari Aspek Fungsi, Makna Dan Simbol**

**Hasmani Binti Abu Hassan
No. Matrik 92236400**

Tesis ini dikemukakan kepada kajian Seni Lukis dan Seni Reka
Institut Teknologi Mara sebagai memenuhi sebahagian daripada
keperluan Diploma Seni Lukis dan Seni Reka.

- 1 - Diperiksa oleh.....Tarikh.....
- 2 - Diperiksa oleh.....Tarikh.....
- 3 - Diluluskan oleh.....Tarikh.....

Dekan
Kajian Seni Lukis dan Seni Reka
Institut Teknologi Mara
40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

KANDUNGAN

Ilustrasi
Senarai Slaid
Sinopsis
Sepatah Kata
Sekalung Budi
Pengenalan

TOPIK	HALAMAN
BAB I	
SEJARAH NEGERI KEDAH	1
I . 1 - Kedudukan Negeri Kedah	1 - 4
I . 2 - Asal-usul Negeri Kedah	4 - 7
I . 3 - Kerajaan Tua Kedah	7 - 8
I . 4 - Pengasas Kesultanan Negeri Kedah	10 - 12
I . 5 - Sultan-sultan Negeri Kedah	12 - 14
I . 6 - Sejarah Kesultanan Negeri Kedah	14 - 16
I . 7 - Sistem Pemilihan Dan Perlantikan Sultan Kedah	16
BAB II	
ISTIADAT PERTABALAN	17
II . 1- Pemilihan Dan Perlantikan Sultan Pemerintah Yang Baru	18 - 20
II . 2 - Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja	20
II . 3 - Peraturan Istiadat Pertabalan	21
II.3.1 - Hari Meletak Kerja Pertabalan	21
II.3.2 - Persiapan Pertabalan	22

Sinopsis

Pemilihan tajuk yang menyentuh tentang topik adat istiadat pertabalan sultan Kedah iaitu kajian terhadap penggunaan alat-alat kebesaran yang digunakan semasa upacara tersebut. Skop kajian ini dikecilkan dimana tajuk tesis ini diberi pendektan dari aspek fungsi, makna dan simbol perkakas diraja. Pemilihan tajuk yang dikemukakan ini adalah timbul dari keinginan saya untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang penggunaan alat-alat kebesaran diraja negeri Kedah. Didalam istiadat pertabalan yang mana keistimewaan dan keunggulan yang sedia ada pada alat-alat kebesaran yang diwarisi sejak dari turun-temurun. Disamping memberi pengetahuan umum kepada masyarakat tentang berapa tingginya nilai warisan ini kepada institusi Diraja

Objektif utama tesis ini dihasilkan ialah untuk mengkaji mengenai alat-alat kebesaran di dalam istiadat pertabalan sultan Kedah yang mana ia dianggap sebagai satu lambang kedaulatan dan kekuasaan sultan. kaedah Secondary sources digunakan didalam penghasilan tesis ini. Kebanyakan maklumat-maklumat yang diperolehi datangnya daripada temubual-temubual dengan informer yang pakar didalam topik ini. Daripada temubual-temubual inilah memudahkan saya menulis kerana sebelum ini belum ada lagi kajian yang benar-benar mengkaji tentang penggunaan alat-alat kebesaran didalam adat-istiadat pertabalan. Penumpuan pada aspek fungsi, makna dan simbol penggunaan perkakas-perkakas kerajaan negeri Kedah itu sendiri. Penghasilan tesis ini adalah kerana para pengarang lebih menumpukan kepada penggunaan alat-alat kebesaran ini tanpa menumpukan kepada makna yang tersirat disebalik penggunaan perkakas kebesaran tersebut selain daripada itu maklumat-maklumat yang diperolehi hanyalah datangnya daripada buku-buku rujukan, majalah-majalah dan rencana-rencana sahaja.

Sekalung Budi

Bismilabhirahmanirabbim

Alhamdulillah, segala puji-pujian banya kepada Allah S.W.T. Terlebih dabulu saya ingin merakamkan rasa kesyukuran yang tidak terbingga kebadrat Allah S.W.T kerana denagn keredhaanNya juga dapat merestui dan memungkinkan saya menyelesaikan tesis ini seperti mana adanya.

Ucapan terima kasih yang tidak terbingga saya tujukan buat yang dihormati dan dikasihi Encik Jeffry Azha bin Saidin, Pensyarab Jabatan Seni Reka Logam Halus, selaku penasihat saya yang banyak membantu, memberi pandangan dan kerjasama serta tidak lupa mendoakan kejayaan tesis saya ini. Disamping memberi tumpuan yang sepenuhnya kepada saya samaada diluar atau didalam kelas.

Tidak ketinggalan saya merakamkan penghargaan saya kepada para pensyarab Seni Reka Logam Halus yang banyak membantu saya didalam melengkapkan kursus saya ini :-

- 1 - Encik Alias bin Yusoff.*
- 2 - Encik Abu bakar bin Sabran.*
- 3 - Encik Daburi bin Idris.*
- 4 - Encik Zahari Zain bin Dato' Sulaiman.*
- 5 - Puan Fuziab binti haji Kassim.*
- 6 - Puan Mobainee binti Haji Khalid.*

Rakaman terima kasih saya juga kepada orang yang memberi maklumat kepada saya. Diantaranya ialah:-

- 1 - Pibak Istana Anak Bukit yang terlibat diantaranya Tuan Haji Arshad selaku Ketua Istana, Encik Nordin bin Ahmad selaku Juruandam DYMM Sultan, Puan Zaini selaku Juruandam DYMM Raja Permaisuri Kedah.*

Bab 1 : Sejarah Negeri Kedah

*M*enolah kembali kezaman silam negeri Kedah maka akan terjelmalah berbagai-bagai gambaran peristiwa cetusan daripada sejarahnya yang amat tidak ternilai harganya. Warisan ini terus menjadi pusaka abadi bumi Kedah. Ia adalah negeri yang tertua dinusantara ini, yang telah melalui liku-liku sejarahnya yang tersendiri.

1.1: Kedudukan Negeri Kedah

*N*egeri Kedah Darulaman atau lebih dikenali dengan panggilan **Jelapang Padi Malaysia** merupakan negeri yang terletak di utara Semenanjung Malaysia. Ianya terletak disebelah Pantai Barat dalam garisan lintang diantara 5' 05 hingga 6' 40 ke utara. Kedudukannya dalam garisan bujur adalah diantara 99' 40 hingga 101' 10 ke timur. Keluasanya adalah kira-kira 3,045 batu persegi merangkumi Pulau Langkawi dan beberapa pulau lain. Panjangnya dari utara ke selatan lebih kurang 105 batu dan tempat yang paling lebar ialah 40 batu.

Ada dua pucuk gunung yang tertinggi sekali di tanah besar Negeri Kedah, iaitu **Gunung Jerai** yang memiliki ketinggian setinggi 3,986 kaki dan Bukit Perak yang setinggi 2,820 kaki. Di Pulau Langkawi pula terdapat gunung yang tertinggi iaitu **Gunung Raya** yang mencapai tahap ketinggian setinggi 2,950 kaki.

Negeri Kedah bersempadan dengan Negeri Perlis dan Thailand. Di sebelah matahari naik, bertemu dengan daerah Chenak, Tiba, Jala dan Raman yang kesemuanya dalam pemerintahan Thailand. Di sebelah selatan